

Gangguan seksual merentasi gender dan status

Gangguan seksual tidak mengenal gender mangsa kerana pelaku dinilai mempunyai masalah penyakit sosial sehingga gagal mengawal perasaan dan tingkah laku mereka.

EKSTRA

Dr. Wan Arnidawati Wan Abdullah

- Berusia 45 tahun
- Merupakan Pensyarah Kanan dalam bidang pengkhususan Pembangunan Manusia, Psikologi Industri & Organisasi, Isu Pekerjaan, Pengajaran Ketidakecekapan di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM)
- Memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Ilmu Wahyu dan Warisan Islam dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada tahun 1998
- Memperoleh Sarjana dalam bidang Psikologi Industri dan Organisasi daripada Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1999
- Melanjutkan pengajian pada peringkat Doktor Falsafah dalam bidang Ketidakecekapan dan Pekerjaan dan Universiti Warwick, United Kingdom pada tahun 2013
- Pernah bertugas sebagai Penolong Pengarah Kanan di Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, Kementerian Sumber Manusia dari tahun 2001 hingga 2017
- Memulakan tugas sebagai Pensyarah Kanan di Fakulti Ekologi Manusia, UPM pada 1 Disember 2018 sehingga kini



WAN ARNIDAWATI

BULAN lalu, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Hannah Yeh mendedahkan bahawa golongan lelaki juga tidak terlepas daripada menjadi mangsa gangguan seksual di tempat kerja. Pendedahan tersebut dibuat berdasarkan statistik daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dari tahun 2013 hingga 2017 yang menunjukkan terdapat 257 lelaki menjadi mangsa daripada keseluruhan 1,218 kes gangguan seksual yang dilaporkan. Laporan itu sekali gus memberi satu perspektif bahawa golongan lelaki juga tidak terkecuali menerima gangguan sama seperti yang sering dialami wanita di tempat kerja. Bagaimanapun, siapakah individu yang menjadi pelaku terhadap mangsa dalam kalangan lelaki ini? Bagi mendapatkan penjelasan lanjut, ikuti temu bual wartawan Kosmo!

AHAD, MOHAMMAD SHAHEMY AZMI, bersama Pensyarah Kanan, Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajaran Keluarga, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia di

pejabatnya di Serdang, Selangor baru-baru ini.

KOSMO! AHAD: Boleh jelaskan secara ringkas tentang bidang kepakaran Dr. di Universiti Putra Malaysia?

DR. WAN ARNIDAWATI: Saya merupakan Pensyarah Kanan di Fakulti Ekologi Manusia, Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajaran Keluarga. Saya lebih menjurus dalam bidang pekerjaan iaitu berkaitan psikologi industri dan organisasi di tempat kerja. Bidang ini bertujuan untuk melihat bagaimana hubungan antara pekerja dengan majikan dari sudut psikologi. Selain itu, saya juga mempunyai kepakaran dalam bidang ketidakecekapan iaitu dalam menjaga hal ehwal orang kelainan upaya (OKU) dalam membantu mereka untuk bekerja. Melihat dari sudut psikologi dalam senario pekerjaan sekarang, memang tidak dapat dinafikan berlaku ketegangan antara majikan dan pekerja.

Seperti semua sedia maklum, majikan akan menumpukan aspek kualiti kerja sehingga mengakibatkan berlaku banyak masalah dalam kalangan pekerja seperti tertekan kerana waktu kerja yang tidak seimbang. Itulah antara faktor pentingnya psikologi industri kerana majikan perlu melihat pekerja sebagai individu dan bukannya robot yang perlu dikerah membuat kerja.

Baru-baru ini laporan akhbar Kosmo! menyebut bahawa golongan lelaki juga tidak terlepas daripada menjadi mangsa gangguan seksual oleh kaum wanita di tempat kerja. Bagaimana Dr. melihat perkara tersebut?

Masalah gangguan seksual di tempat kerja merupakan satu

masalah sosial yang boleh terjadi merentasi jurang gender dan status.

Walaupun kes gangguan seksual seringkali dikaitkan dengan wanita, tidak mustahil untuk golongan lelaki juga menghadapi masalah ini. Malahan terdapat juga kes gangguan seksual yang melibatkan sesama jantina. Dari segi status, kes gangguan seksual seringkali dikaitkan dengan kuasa yang dipegang oleh pengganggu.

Jika dilihat kepada kes gangguan seksual yang dilaporkan, hanya segelintir kes yang melibatkan pegawai atasan ke atas kakitangan bawahannya. Kebanyakan kes adalah melibatkan sesama rakan sekerja dan pegawai bawahan ke atas pegawai atasan.

Saya melihat masalah gangguan seksual ini sebagai salah satu penyakit sosial. Si pengganggu gagal mengawal perasaan dan tingkah laku mereka. Dalam konteks psikologi, setiap tingkah laku adalah hasil daripada desakan fikiran dan perasaan. Jika kita rujuk definisi gangguan seksual di tempat kerja mengikut Seksyen 2, Akta Kerja 1955, ia diberikan secara umum tanpa menjurus kepada satu gender.

Gangguan seksual ditakrifkan sebagai sebarang kelakuan berunsur seksual yang tidak diingini dan memberi kesan sebagai satu gangguan sama ada secara lisan, bukan lisan, visual, psikologi atau fizikal.

Gangguan seksual terhadap lelaki oleh wanita mungkin diabaikan berbeza. Dari sudut psikologi, adakah golongan lelaki ini akan melalui rasa trauma sama seperti dialami wanita yang berdepan gangguan seksual?

Sememangnya secara umum kita akan berasa pelik dengan senario gangguan seksual terhadap golongan lelaki oleh wanita. Kita akan terfikir dengan kekuatan dan kegagahan yang ada pada lelaki mereka sepatutnya boleh menepis gangguan tersebut. Sebenarnya, kes gangguan seksual ini terutamanya bila berlaku di tempat kerja menyebabkan mangsa (lelaki) terpaksa berfikir dua kali apabila

diganggu wanita (pihak atasan) demi menjaga kerjaya mereka sehingga menyebabkan mangsa akur dengan gangguan tersebut.

Pada kebiasaannya, kes gangguan seksual ini pada awalnya dirasakan mereka boleh dikawal dan ditepis, tetapi lama-kelamaan apabila mangsa tidak memberi respons menolak, pengganggu wanita menjadi lebih berani kerana mangsa terpaksa menyembunyikan masalah itu demi menjaga peruk nasi.

Trauma dan perasaan malu tetap dialami mangsa lelaki sama seperti wanita. Perasaan malu itu akan lebih berganda kerana kekuatan yang ada pada lelaki itu akan dipertikai dan ditertawakan, sekali gus menyebabkan mangsa malu untuk membuat laporan kerana takut ada yang tidak percaya mereka menjadi mangsa gangguan seksual.

Mekanisme membuat laporan dan siasatan terhadap pesalah laku juga mengambil masa terlalu lama. Sedangkan, mangsa terpaksa berdepan dengan pesalah laku di tempat kerja sepanjang tempoh siasatan dijalankan. Hal ini menyebabkan mangsa akan mengalami trauma berganda termasuk pandangan serong rakan-rakan di tempat kerja.

Apakah jenis bentuk gangguan seksual yang kerap dialami oleh golongan lelaki?

Sebenarnya tiada perbezaan yang jelas dari segi bentuk gangguan seksual yang dialami oleh mangsa lelaki dan wanita. Bentuk gangguan adalah sama sahaja.

Kajian lalu menunjukkan gangguan secara lisan seperti gurauan lucah dan pujian berbentuk seksual dan gangguan secara fizikal yang tidak bermaksud seksual seperti sentuhan, tepukan dan cubitan merupakan dua kategori yang paling banyak berlaku.

Mengikut Kod Amalan Pencegah dan Memasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja yang diterbitkan oleh Kementerian Sumber Manusia pada 199 dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2018 (Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja) yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, bentuk gangguan seksual terbahagi kepada beberapa kategori iaitu gangguan secara lisan (kata-kata, gurauan, komen, ancaman atau cadangan seksual), gangguan bukan lisan (pandangan, menjilat bibir, isyarat tangan yang membayangkan perlakuan seks), gangguan visual (menunjukkan bahan-bahan lucah, melukis gambar lucah, mendedahkan bahagian sulit),



BERPENGALAMAN hampir 20 tahun dalam bidang pekerjaan semasa berkhidmat di Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, Kementerian Sumber Manusia memberi kelebihan buat Wan Arnidawati menjawab tentang isu gangguan seksual di tempat kerja.

gangguan psikologi (memujuk rayu untuk keluar bersama atau bercumbuan) dan gangguan fizikal (sentuhan, menepuk, mencubit, menggesel badan).

Apakah punca yang menyebabkan perkara seperti ini boleh terjadi?

Secara umum, terdapat banyak puncanya. Antaranya adalah tarikan fizikal dan personaliti menarik. Banyak kajian dibuat menunjukkan tarikan fizikal dan personaliti merupakan faktor utama berlakunya gangguan seksual bagi wanita atau lelaki. Kecantikan, ketampanan dan seksi seseorang individu itu dikaitkan dengan kecenderungan kepada gangguan seksual ini. Namun kecantikan, ketampanan dan seksi seseorang itu sangat subjektif bagi setiap individu.

Kuasa juga dilihat sebagai punca kepada gangguan seksual. Mengikut teori organisasi, gangguan seksual berlaku disebabkan oleh faktor

organisasi. Struktur organisasi dalam sesebuah syarikat sering menempatkan lelaki dalam kedudukan yang lebih autoriti berbanding wanita.

Oleh sebab kebanyakan hierarki dalam sebuah organisasi lebih dimiliki oleh lelaki, wanita lebih terdedah kepada masalah gangguan seksual.

Mereka menggunakan kuasa dengan mengugut untuk tidak diberi insentif yang lebih baik jika tidak melayan atau menerima perlakuan yang dilakukan oleh mereka. Jika dilihat kepada perubahan senario pekerjaan, hierarki ini telah berubah dan ramai wanita yang mempunyai kedudukan yang tinggi.

Analisa daripada kes-kes lepas, hampir 70 peratus daripada kes yang dilaporkan adalah merupakan kes sesama rakan sekerja. Ini menunjukkan corak pergaulan dan kemesraan di luar batasan sesama rakan sekerja mendorong kepada masalah gangguan seksual di tempat kerja. Antara punca lain yang

menyebabkan gangguan seksual adalah disebabkan perbezaan hormon dan kegagalan seseorang itu untuk mengawal nafsu.

Apakah bentuk bantuan atau sokongan yang boleh diberikan kepada mangsa (lelaki) jika mengalami gangguan seksual?

Bantuan dan sokongan adalah sama bagi mangsa lelaki atau wanita. Mereka memerlukan sokongan moral daripada rakan-rakan dan masyarakat sekeliling. Khidmat kaunseling juga diperlukan oleh mangsa lelaki bagi membangkitkan kembali semangat mereka untuk meneruskan pekerjaan dan kelangsungan hidup.

Mangsa yang mengalami gangguan seksual di tempat kerja boleh membuat aduan terlebih dahulu dengan pihak majikan. Terdapat peruntukan yang jelas dalam Akta Kerja 1955 di bawah Akta Kerja (Pindaan) 2012 yang mengatakan bahawa setiap majikan diwajibkan mengadakan satu prosedur siasatan (*inquiry*) dalam tempoh 30 hari setelah menerima aduan gangguan seksual dari pekerjaanya.

Andainya majikan gagal mematuhi kehendak undang-undang ini, ia adalah satu kesalahan yang membawa hukuman didenda tidak melebihi RM10,000 (Seksyen 81F).

Segelintir masyarakat mungkin menganggap golongan lelaki yang mengalami gangguan seksual oleh wanita adalah perkara yang sangat memalukan. Bagaimanakah untuk mengubah persepsi tersebut?

Pendedahan kepada masalah gangguan seksual di tempat kerja perlu diperluaskan dengan memberi kefahaman yang jelas tentang bentuk gangguan dan situasi yang mendorong ke arah gangguan seksual.

Masyarakat perlu faham, dengan kepelbagaian manusia di tempat kerja, pekerja akan menghadapi pelbagai kemungkinan. Selalunya masyarakat akan menuduh mangsa (pengadu) sebagai punca kepada gangguan tersebut.

Tetapi sebenarnya, pengganggu juga memainkan peranan penting. Setiap pekerja sama ada lelaki atau wanita perlu tegas dengan pendirian mereka.

Berkemungkinan kes gangguan seksual berlaku atas sebab salah anggap. Oleh itu, jangan mudah mengalah. Kadang-kadang pekerja yang dituduh menganggu juga tidak sedar akan perbuatan mereka. Sekiranya ini berlaku, perdamaian secara terbuka dapat meleraikan masalah ini.